

05/10/1997

Batik sutera PM laku RM3,000

KUALA LUMPUR: Dua baju batik sutera Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membuka tirai jualan amal Fashion Aid '97 di sini, semalam, berhasil mengumpul RM3,000.

Sehelai baju berkenaan dibeli dengan harga RM2,000 manakala satu lagi RM1,000 selepas ditawarkan pada harga permulaan RM600 sehelai.

Jualan amal dua hari itu yang diadakan di sebuah pusat beli-belah di sini, bertujuan mengutip sekurang-kurangnya RM250,000 bagi membiayai program pendidikan dan pencegahan Aids anjuran Yayasan Aids Malaysia (YAM).

Majlis itu yang kedua diadakan, dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selain baju Perdana Menteri, pelbagai barangan lain seperti kasut, beg tangan, pakaian kanak-kanak, hiasan rumah dan aksesori baru dan terpakai serta berjenama sumbangan orang kenamaan dan celebrities terkenal turut dijual di majlis itu.

Menurut Pengerusi YAM, Datin Paduka Marina Mahathir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta celebrities antarabangsa Mel Gibson dan Enrique Iglesias serta jaguh lumba kereta Formula One, Michael Schumacher, turut menyerahkan barangan peribadi masing-masing untuk dilelong.

Antara artis tempatan yang memberi sumbangan pula ialah Sheila Majid, KRU, Haris Iskandar, Fauziah Latif dan Seha.

(END)